

## BIODATA

**Nama Penuh:** Dato' Dr. Abd Latif Mohmod.

**Tarikh Lahir:** 29 Ogos 1960.

**Jawatan:** Ketua Pengarah FRIM.

**Pendidikan Formal:** BSc. (Hons) Mikrobiologi UKM (1984), MSc Hasil Hutan Bukan Kayu UPM (1992), PhD in Hasil Hutan Bukan Kayu UPM (1996).

Arif tentang hutan Dato' Dr. Abd Latif Mohmod yang memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Forest Research Institute Malaysia (FRIM) sentiasa mengingatkan masyarakat tentang kepentingan kawasan hijau ini



# Masyarakat Perlu Sedar Kepentingan Hutan Dalam Kehidupan

**M**ulakan kerjaya sebagai Ketua Pengarah di institusi tersebut sejak 2008, Dato Dr. Abd Latif Mohmod banyak membawa perubahan sehingga menerima anugerah dari dalam dan luar negara. Malah, beliau sendiri diktiraf sebagai Saintis Termuda di Anugerah Saintis Muda Negara pada tahun 1993. MW berkesempatan menerim ramah tokoh yang banyak berjasa kepada pembangunan FRIM.

**MW: Bilakah Dato' memulakan tugas di FRIM?**

**DATO' DR. ABD LATIF:** Saya mula bekerja di FRIM pada tahun 1985. Ketika itu saya memegang jawatan sebagai pegawai penyelidik sehingga tahun 1997. Pada masa itu saya memberi tumpuan kepada masyarakat Orang Asli. Saya masuk ke perkampungan Orang Asli dan bergaul dengan mereka. Saya cuba bantu menaikkan taraf hidup mereka. Kemudian pada tahun 2003 saya dilantik menjadi jawatan sebagai Timbalan ketua Pengarah (Operasi) di FRIM. Seterusnya pada tahun 2008, saya dilantik menjadi Ketua Pengarah sehingga sekarang.

**MW: Apa perkara pertama yang Dato' lakukan sejurus dilantik sebagai Ketua Pengarah?**

**DATO' DR. ABD LATIF:** Ketika mula memegang jawatan, saya lihat ada yang tidak kena dalam penyelidikan. Saya dapat jurnal mengenai hutan kita begitu kurang. Kita hanya bergantung pada rujukan dari luar. Jadi untuk mengatasi masalah ini saya galakkan penulisan jurnal. Namun timbul satu masalah apabila jurnal yang dihasilkan hanya dibaca oleh segelintir saintis.

Kemudian saya fikir cara ini tidak kena jadi saya cetuskan idea menerbitkan buku mesra ilmu. Buku yang mengandungi gambar-gambar ini menarik semua golongan untuk membacanya. Sebenarnya ia perlu diterjemahkan dalam bentuk yang mudah difahami barulah menarik untuk membacanya. Sepanjang saya memegang jawatan ini, sebanyak 17 naskhah buku mesra ilmu dihasilkan. Sebelum ini hanya ada dua sahaja malah empat dari buku tersebut menerima Anugerah Buku Negara.

Selain itu saya juga adalah perintis projek penyelidikan, pembangunan dan aplikasi penggunaan hasil hutan bukan kayu seperti rotan, buluh dan palma. Sehingga kini saya telah mereka cipta 50 buah mesin pemprosesan hasil hutan bukan kayu yang mana 12 telah didaftarkan bagi maksud hak cipta.

Saya juga berjaya mendapatkan hak milik tanah bagi kawasan kampus FRIM seluas 544.3 hektar yang digazet sebagai tapak Warisan Semula Jadi negara pada tahun 2009 dan seterusnya diisyiharkan sebagai Warisan Kebangsaan pada 2012. Pada tahun 2009 saya berjaya membawa FRIM menerima pelbagai anugerah berprestij seperti Anugerah Sains Mahathir dan Nikkei Asia Prizes serta Anugerah Sains dan Teknologi, Bank pembangunan Islam pada 2012.

Pada tahun 2012 sahaja, FRIM telah memenangi tujuh anugerah antarabangsa, sembilan anugerah kebangsaan berprestij dan 14 Malaysia Book of Records. Terkini, FRIM berjaya meraih Anugerah Inovasi Negara 2013 (kategori produk) dan Anugerah Harta Intelek Negara (AHIN) 2014 (kategori paten) untuk sistem rawatan kayu melalui Pengeringan Suhu Tinggi (HTD).

**MW: Sekiranya diberi peluang, apa yang mahu diubah untuk lebih memartabatkan institusi ini?**

**DATO' DR. ABD LATIF:** Saya ada impian yang masih belum tercapai. Sekarang apabila bercerita tentang hutan, antara yang saya mahu buat

  
**Roses skincare**  
All about beauty

# Roses White SkinCare Putih Dan Gebu.. Gitew..

## Roses White Skin Care 5 IN 1 Perfect Skin Care Regime with Plants Extract



Sem Miri : RM 89.90  
Sabah/ Sarawak : RM 99.90

- Pilihan tepat untuk Meremajakan Kulit Anda
- Mencerah dan menggebulkan kulit
- Mengecutkan dan menghilangkan jerawat
- Menghilangkan garis halus di bawah mata
- Menghilangkan Jeragat
- Mengelincikan pori-pori
- Menegangkan kulit wajah
- Anti penuaan

**MASTER STOKIS & STOKIS  
DIPERLUKAN SEGERA**

Stokis dan Master Stokis  
yang mencapai  
target berpeluang memenangi  
Emas dan Wang Tunai

 [rosesskincare\\_official](#)  [rosesskincare\\_official](#)

Beauty Hotline: 011 – 10744471

HQ: Roses Skincare 7-16-1A, Jalan Pahat H 15/M Seksyen 15,  
40200 Shah Alam Selangor Darul Ehsan. Tel : 03 – 5523 7903



Galakkan orang ramai menanam pokok di FRIM bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan hutan.

ialah menjadikan hutan di FRIM diiktiraf oleh UNESCO sebagai hutan tropika buatan manusia terbesar dan tertua. Satu lagi dalam usaha kami mencari dana, saya berpendapat FRIM perlu berada di hadapan dalam semua keadaan. Kami ada kajian, makmal dan perlu menjadi badan yang memastikan sesuatu produk bagus atau tidak dan dikenali oleh dunia. Kami sudah ada beberapa buah makmal, malah FRIM juga diiktiraf Pusat Rujukan Kebangsaan oleh kerajaan Malaysia.

Selain itu herbarium FRIM diiktiraf dunia untuk semua tropika. Kemudian kami ada makmal ujian perabot yang diiktiraf oleh England dan makmal rintangan api. Bermula dari kosong tetapi sekarang ada lebih 18 agitasi untuk FRIM. Adanya agitasi-agitasi ini memudahkannya diiktiraf. Inilah perkara-perkara yang perlu kita kehadapan berbanding industri. Ini sahaja yang saya mahu tinggalkan untuk Malaysia. Namun, ada juga impian saya yang masih belum tercapai tetapi sedang berusaha.

Dalam mencapai matlamat juga, ada cabaran yang perlu dilalui. Antara cabaran dan halangan ialah kawasan yang kecil dan populasi makin bertambah. Perlu difikirkan cara menyeimbangkan perhutanan, populasi dan perkembangan ekonomi? Ramai orang tidak tahu bahawa Malaysia mempunyai sistem dipanggil pengurusan hutan lestari terbaik di dunia. Apa yang perlu buat ialah memastikan rakyat tahu bahawa hutan di negara ini adalah harta dan khazanah yang perlu dijaga sampai bila-bila.

**MW:** Apa cabaran dan penyelesaian diambil oleh FRIM dalam usaha pemuliharaan dan penjagaan sumber hutan negara?

**DATO' DR. ABD LATIF:** Kita bernasib baik kerana mempunyai Majlis Biodiversiti Negara dan Majlis Tanah Negara. Ketika itu-isu-isu berkaitan spesies

terancam ini menjadi buatan hangat di peringkat antarabangsa, FRIM bersama Jabatan Hutan telah menggazet hutan sebagai hutan pemuliharaan bernilai tinggi di 21 buah lokasi di Semenanjung Malaysia. Setiap kali ada projek-projek yang melibatkan perubahan status guna tanah dari spesies-spesies yang terancam ia harus dimaklumkan kepada kerajaan.

Malaysia mempunyai 2600 jenis spesies pokok dan tumbuhan. Daripada jumlah itu 21 peratus spesies pokok ada di FRIM yang kita panggil zon penampang. Contohnya, kalau apa-apa berlaku di luar sana, kita masih ada lagi pokok-pokok tersebut di FRIM. Pokok-pokok di sini ada yang telah diselamatkan dan dibawa ke FRIM. Kami tanam semula pokok-pokok yang dikhuatiri terancam dan pupus.

## Sejukkan Alam

**MW:** Apa keistimewaan dan kelebihan hutan negara yang mungkin masyarakat kurang tahu?

**DATO' DR. ABD LATIF:** Hutan merupakan kawasan tahanan air. Malah, hutan juga membekalkan pelbagai jenis ubat-ubatan dan herba. Hutan juga adalah punca kesejahteraan alam. Kalau tiada hutan, cuaca akan menjadi panas lebih-lebih lagi kita berada di garisan khatulistiwa. Hutan di FRIM sahaja menampung karbon di sekitar Lembah Klang. Ini bermakna hutan telah menyelamatkan alam sekitar. Ramai orang tidak tahu hutan di Malaysia ini adalah antara yang terbaik di dunia dari segi kepelbagaian. Hutan kita menduduki tangga ke-12 dunia dari segi kepelbagaian biologi.

Kayu kayannya pula menyumbang eksport 22 bilion setahun dalam bentuk komposit, proses dan perabot. Paling menarik aktiviti di FRIM sejak 1978, menyumbang enam hingga tujuh bilion setahun dalam bentuk eksport kayu getah. Dahulu kayu getah dianggap sebagai kayu buang sekarang ini merupakan komoditi paling besar.

**MW:** Apa program yang dilakukan oleh FRIM untuk memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya generasi muda tentang pentingnya menjaga hutan?

**DATO' DR. ABD LATIF:** Apa yang dilakukan ialah menjadikan orang ramai sebagai sebahagian daripada FRIM. Kami adakan program dengan orang luar. Pertama kami tawarkan orang tanam pokok di FRIM. Keduanya kami benarkan orang mengambil pokok di FRIM sebagai 'anak angkat'. Kedua-dua istilah ini dipanggil Sahabat FRIM. Jadi, bagi menjayakan program ini kami kenakan sedikit bayaran yang bertujuan untuk penyelenggaraan pokok tersebut.

Kami juga mengadakan pertandingan lukisan hutan dan alam sekitar di sekolah dan juga pusat

pengajian tinggi. FRIM juga ada dua buah pusat pembelajaran alam semula jadi dan pusat pembelajaran persekitaran. Kedua-duanya mendapat kerjasama daripada syarikat-syarikat korporat. Sebenarnya banyak lagi program yang dianjurkan untuk mendekatkan masyarakat dengan hutan.

**MW:** Apa perkara yang sering dipandang ringan oleh masyarakat tentang kepentingan hutan dan apakah peranan FRIM dalam hal ini?

**DATO' DR. ABD LATIF:** Orang ramai sering memandang hutan itu sebagai perkara yang tidak penting. Mereka hanya nampak belukar tetapi mereka tidak nampak air yang bersih itu datangnya dari hutan. Sekarang apa pun yang kita lakukan akan berkaitan dengan hutan dan alam sekitar. Tetapi alhamdulillah saya lihat sekarang orang ramai mula tahu kepentingan hutan disebabkan pelbagai bencana yang menimpak negara sejak akhir-akhir ini. Contohnya, kejadian tanah runtuh di Cameron Highlands, banjir besar di negeri-negeri pantai timur. Peristiwa ini menyebabkan masyarakat mula sedar kepentingan hutan.

**MW:** Antara sumbangan penyelidikan dan pembangunan (R&D) FRIM yang telah memberi impak begitu besar terhadap negara?

**DATO' DR. ABD LATIF:** Antara sumbangan FRIM ialah penyelidikan kayu getah. Kami di FRIM ini yang memulakan penyelidikan kayu getah yang menjadi sumber ekonomi. Kalau dahulu, kayu getah orang tidak hargai kerana senang diserang oleh kulat. Herba kita juga merupakan pusat rujukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa kerana kita ada biodiversiti dan herbanium. **MW**